

PEMILIHAN PERISTIWA DALAM PROSES PEMBERITAAN *SELECTION OF EVENTS IN THE REPORTING PROCESS*

Liana Mat Nayan
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Tunku Abdul Rahman, 31900 Kampar, Perak, Malaysia.
liana@utar.edu.my

Siti Suriani Othman,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar baru Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia.
suriani@usim.edu.my

Lee Kuok Tiung,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah
lee@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 15 Februari 2020 / Tarikh diterima: 10 Mei 2020

Abstrak: Kajian-kajian berkenaan penghasilan berita menawarkan pelbagai penjelasan tentang mengapa berita boleh bertukar menjadi apa yang dipaparkan (Berkowitz, 1988). Namun begitu, kajian berkenaan persamaan di kalangan wartawan dalam membuat pemilihan berita pula menunjukkan hasil yang tidak konsisten (Kim & Bae, 2006). Kajian teoritikal ini secara amnya membincangkan bagaimana sesuatu peristiwa boleh menjadi berita dengan merujuk kepada beberapa pandangan dan paradigma kewartawanan dengan menggunakan kaedah penaakulan induktif. Apa yang dilakukan sebagai usaha awal ini ialah menelusuri kekuatan dan kelemahan setiap paradigma ilmu kewartawanan di samping pandangan-pandangan yang berbeza akan model kewartawanan yang ideal. Ini penting untuk mengenalpasti kekurangan sedia ada dalam usaha membentuk model pemberitaan yang bersesuaian dengan masyarakat Malaysia. Rumusan kepada hasil analisis ini mendapati nilai-nilai murni yang cuba diketengahkan oleh mana-mana ajaran agama sebenarnya adalah sama iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan nilai-nilai ini sudah sedia ada dalam nilai-nilai berita yang menjadi asas kriteria kepada pemilihan sesuatu peristiwa. Justeru itu, taksonomi nilai-nilai berita yang mula dieksplorasi oleh Galtung dan Ruge (1965) wajar dijadikan sebagai asas permulaan kepada pencarian model kewartawanan yang baharu.

Kata kunci: pemilihan, peristiwa, berita, paradigma, model pemberitaan

Abstract: Studies on news production offer a variety of explanations of why news can turn into what is displayed (Berkowitz, 1988). However, studies on the similarities among journalists in making news selections show inconsistent results (Kim & Bae, 2006). This theoretical study generally discusses on how an event can be news by referring to some of the views and paradigms of journalism using inductive reasoning methods. What is done as an initial effort is to trace the strengths and weaknesses of each paradigm of journalism knowledge in addition to different views on the ideal model of journalism. This is important to identify existing shortcomings in the effort to form a news model that is appropriate for Malaysian society. A summary of the results of this analysis found out that the noble values that any religious teaching tries to highlight are actually the same that is calling for good and preventing the evil and these values are already present in the news values that form the basis of criteria for the selection of an event. Therefore, the taxonomy of news values first explored by Galtung and Ruge (1965) should be used as a starting point for the search for a new model of journalism.

Keywords: selection, events, news, paradigm, news model

PENGENALAN

Pelbagai peristiwa berlaku setiap hari, tidak kira waktu, tempat dan melibatkan pelbagai jenis golongan dari pelbagai latar belakang. Seiring dengan perkembangan teknologi, khususnya media sosial, peristiwa yang sebegitu kecil pun boleh diketahui oleh sebilangan besar manusia tanpa mengira batasan jarak dan masa. Namun, sesuatu peristiwa tidak akan menjadi berita begitu sahaja. Untuk menjadi sebahagian daripada berita, sesuatu peristiwa itu perlu memenuhi beberapa kriteria, antaranya, ia perlu dilihat sebagai cukup menarik untuk dilaporkan (Hartley, 1982). Justeru itu persoalan pokok yang boleh dilontarkan di sini adalah bagaimana sesuatu peristiwa itu boleh terpilih menjadi berita.

Pada satu tahap, apa yang perlu diketahui ialah wartawan belajar untuk memilih item-item yang difikirkan oleh mereka boleh menjual berita yakni cerita-cerita melibatkan seks, keganasan, luar biasa dan sensasi. Pada satu tahap lain lagi, kita juga perlu mengakui bahawa wartawan memilih cerita-cerita yang dirasakan ‘munasabah’ mengikut pengetahuan dan pengalaman mereka (Manning, 2001). Bagi De Beer dan Merrill (2009) pula, rangka rujukan kewartawanan terbentuk daripada pelbagai faktor yang mungkin melibatkan ciri penerbitan, dasar-dasar institusi, dasar tentang apa yang dipertimbangkan sebagai bernilai berita atau nilai berita istimewa, penyusunan penerbitan editorial, kualiti persaingan dengan bentuk media yang lain, profil demografik pembaca, dan kehendak dan keperluan khalayak penerbitan.

Penulisan ini akan membincangkan pandangan-pandangan dan paradigma yang sering digunapakai oleh para wartawan dan organisasi berita dalam memilih sesuatu peristiwa untuk diterbitkan sebagai berita. Ini secara tidak langsung juga bermakna kajian ini menggunakan kaedah penaakulan induktif yang berbeza dengan model hipotetiko-deduktif (HD), atau dengan erti kata lain menyerupai pendekatan *grounded theory* (GT) dalam usaha mencari sebuah model komunikasi (kewartawanan) yang ideal secara sistematik melalui pengumpulan dan analisis-analisis terhadap dapatan dan hujah-hujah berkenaan kewartawanan. Begitupun, usaha awal ini tidak sampai ke tahap pembentukan teori tetapi mencadangkan sebuah model sebagai asas kepada perbincangan lanjut pada masa akan datang.

FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN PERISTIWA

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan nilai-nilai berita dan pemilihan berita, namun sebahagian besarnya telah tidak membezakan dengan jelas antara konsep berita dan pemilihan berita pada satu sisi, dan nilai-nilai berita dan kriteria berita yang menarik untuk dilaporkan pada satu sisi yang lain. Ini adalah sukar kerana mungkin terdapat banyak lagi faktor lain selain nilai-nilai berita dan kriteria berita yang menarik untuk dilaporkan yang dapat menentukan apa yang boleh menjadi berita, dan mungkin juga akan terdapat perbezaan, jika melihat kepada apa yang dirasakan oleh para wartawan sebagai penting dalam memilih apa itu berita (Stromback, Karlsson & Hopmann, 2012).

Pemilihan peristiwa berdasarkan nilai berita

Taksonomi nilai-nilai berita

Salah satu pendekatan awal dan bersifat akademik untuk memahami proses pemilihan berita adalah diperkenalkan oleh Johan Galtung dan Mari Ruge pada tahun 1965. Persoalan utama yang diutarakan dalam diskusi mereka adalah: “Bagaimanakah sesuatu ‘peristiwa’ boleh menjadi ‘berita’?”. Adakalanya menelusuri muka-muka akhbar amat mendukacitakan bila isu remeh-temeh pun boleh jadi berita sedangkan ada peristiwa lebih penting yang wajar diliputi mahupun terkejut dengan kad perkauman (*racism*) dan agama (*religion*) yang dimainkan oleh media yang boleh mencetuskan kebencian dan sengketa sesama bangsa Malaysia yang bersifat majmuk berbilang kaum dan agama. Bagi meneroka persoalan ini, mereka telah mengemukakan beberapa siri faktor yang “dilihat sebagai sangat penting” dalam pemilihan

berita iaitu kekerapan, melepasi tahap, ketidakpastian, bermakna, selaras, tidak dijangka, berkesinambungan, komposisi, rujukan kepada negara elit, rujukan kepada golongan elit, rujukan kepada seseorang, dan rujukan kepada sesuatu yang negatif (dipetik dari Harcup dan O'Neill, 2001).

Nilai-nilai berita yang diperkenalkan oleh Galtung dan Ruge (1965) tersebut bukan sahaja telah menjadi asas dalam kajian-kajian berkenaan berita, bahkan telah membawa kepada penambahbaikan nilai-nilai yang sedia ada. Sebagai contoh, Harcup and O'Neill (2001) telah mengkaji semula dapatan Galtung dan Ruge ini dan berhujah kelompong ilmu taksonomi faktor-faktor berita tersebut sebagai "tidak menghiraukan majoriti item berita". Menurut Harcup dan O'Neill (2001), cerita-cerita dalam akhbar-akhbar nasional UK didapati lebih memfokuskan kepada faktor kuasa elit, selebriti, hiburan, cerita kejutan, kedua-dua berita "baik" dan "buruk", kepentingan, relevan, berita susulan dan sama ada berita tersebut bersesuaian dengan agenda-agenda editorial. Mereka mencadangkan bahawa, relevannya nilai-nilai berita tertentu akan berbeza dari satu jenis syarikat berita dengan syarikat berita yang lain.

Satu lagi contoh ialah kajian Shoemaker dan rakan-rakannya (1991) yang memperkenalkan model nilai berita yang mengandungi dua konsep utama iaitu luar biasa (*deviance*) dan implikasi sosial yang mencadangkan bagaimana para wartawan memilih berita apabila mereka membuat liputan pelbagai peristiwa dan isu. *Deviance* merujuk kepada peristiwa berita yang pelik (luar biasa secara statistik), mengancam status quo (perubahan sosial luar biasa), atau melanggar norma sosial (luar biasa secara norma). Konsep ini melibatkan nilai-nilai berita tradisional seperti sesuatu yang baru, pelik, di luar kebiasaan, konflik, dan kontroversi. Implikasi sosial pula merujuk kepada peristiwa-peristiwa yang dilihat sebagai penting kepada masyarakat dan mempunyai empat dimensi utama iaitu politik, ekonomi, budaya, dan awam. Nilai-nilai berita seperti penting, mempunyai impak, dan akibat adalah tergolong dalam implikasi sosial (Lee, 2009). Jelasnya, lebih banyak bahan berita yang luar biasa dan mempunyai implikasi sosial, maka akan lebih cenderung ia akan dijadikan sebagai berita (Shim, Jung dan Kim 2011).

• Penggunaan bahasa dan imej

Satu kesamaan yang wujud dalam pelbagai definisi berkenaan nilai berita adalah ianya untuk menentukan apa yang menyebabkan sesuatu itu bernilai berita atau berbaloi untuk menjadi berita. Bedanerk dan Caple (2012) percaya bahawa mereka boleh menjawab soalan asas ini daripada perspektif-perspektif yang sangat berbeza, termasuk sekurang-kurangnya tiga yang berikut:

1. melihat kepada peristiwa itu sendiri, dari sudut realiti bahannya. Soalan analitikal di sini ialah: apakah potensi peristiwa ini untuk dipertimbangkan sebagai lebih, atau kurang, bernilai berita, contohnya ciri-ciri baik orang yang terlibat atau kesannya kepada kehidupan manusia ?. Apakah nilai potensinya?
2. melihat pandangan pemberita berkenaan peristiwa. Soalan analitikal di sini ialah: Apakah yang difikirkan oleh pemberita-pemberita berkenaan dengan nilai berita sesuatu peristiwa? Apakah kriteria yang digunakan untuk memilih berita yang hendak dilaporkan? Mengapakah sesuatu peristiwa itu dilihat sebagai bernilai berita? Keadaan ini dapat dilihat sebagai satu cara dimana nilai-nilai berita telah didekati dan dibincangkan secara tipikal dalam literatur berkaitan. Nilai-nilai berita di sini dilihat muncul sebagai sesuatu yang kognitif, sebagai contohnya, sesuatu nilai telah dianggap sebagai sikap yang telah dipegang oleh pemberita-pemberita atau satu peraturan/kod yang telah diaplikasikan oleh mereka (walaupun tidak dinafikan juga bahawa proses ini secara keseluruhannya bebas dari aspek-aspek lain).

3. melihat teks-teks yang telah terlibat dalam proses berita – sama ada ianya adalah bahan-bahan input seperti kenyataan akhbar, petikan sumber, kandungan dari media sosial dan teks internet yang lain, foto, video, dan lain lain, atau bahan-bahan output seperti laporan berita sebenar seperti yang diterbitkan dalam medium-medium berita dan termasuk kedua-dua teks linguistik dan visual. Soalan analitikal di sini ialah: bagaimanakah teks-teks ini menggunakan maklumat yang tidak berkaitan dengan subjek utama (*discursively*) dapat membentuk nilai-nilai berita? Seperti yang dinyatakan Hartley (1982), pengenalanpastian nilai-nilai berita boleh membantu memahami dengan jelas tentang bagaimanakah laporannya, berbanding dengan mengapa. Inilah perspektif berkenaan nilai-nilai berita yang ditekankan oleh Bednarek dan Caple (2012).

Bednarek dan Caple melihat perspektif mereka ini sebagai pelengkap kepada perspektif-perspektif yang lain, dan sudah tentu terdapatnya kesan saling kaitan antara satu sama lain yang kompleks antara aspek nilai berita yang berbeza. Sebagai contohnya, pemberita-pemberita mungkin telah dipengaruhi keputusan mereka tentang sama ada sesuatu peristiwa akan dipilih atau tidak untuk dijadikan bahan berita menerusi cara sesuatu peristiwa itu difahami maksudnya secara *discursive*, seperti, kenyataan akhbar atau foto-foto peristiwa tersebut. Perspektif *discursive* terhadap nilai-nilai membolehkan penyelidikan secara sistematik tentang bagaimanakah nilai-nilai ini telah dibentuk dalam pelbagai jenis bahan penulisan yang terlibat dalam proses pemberitaan.

Bednarek dan Caple (2012) mencadangkan bahawa perspektif *discursive* berkenaan nilai-nilai berita menyediakan rangka kerja yang membolehkan analisis sistematik terhadap bagaimana nilai-nilai tersebut telah dibentuk menerusi perkataan dan imej. Ia membolehkan penyelidik-penyelidik mengenalpasti secara sistematik tentang bagaimana peristiwa tertentu telah difahami sebagai bernilai berita, apa nilai-nilai yang dilihat ketara dalam bahan berita, dan bagaimana bahasa dan imej memaparkan peristiwa sebagai lebih atau kurang bernilai berita. Selain itu, melalui kajian-kajian perbandingan, para penyelidik juga boleh mula untuk memahami motivasi-motivasi di sebalik peningkatan nilai berita, yang mana boleh melibatkan kehendak wartawan (dan jurugambar) untuk cerita muka depan, atau fungsi-fungsi komersil seperti menjual lebih banyak naskah (meningkatkan pengedaran) atau menarik khalayak tertentu yang boleh menguntungkan pengiklan-pengiklan.

Fokusnya di sini, tarikan nilai berita itu adalah nilai *discursive* yang dikukuhkan menerusi penggunaan bahasa dan imej. Pendekatan ini adalah selari dengan pandangan penyelidik-penyelidik media yang sedang berkembang luas (termasuklah mereka yang menganggap nilai-nilai berita sebagai andaian, peraturan atau kriteria) bahawa berita terhasil daripada proses pembentukan (*construction*).

• Memahami proses pemilihan berita di Malaysia

Proses pemilihan berita dalam konteks Malaysia secara umumnya mengguna pakai garis panduan universal pemilihan berita termasuk teori nilai berita (Siti Suriani Othman, 2018). Masih belum banyak perbincangan khusus dan teliti tentang proses di balik tabir bilik berita Malaysia dibincangkan kerana kajian-kajian kewartawanan di Malaysia lebih berminat mengkaji tentang penghasilan berita dari konteks ekonomi politik kerana dipengaruhi oleh landskap media di Malaysia yang begitu dipengaruhi oleh faktor politik dan ekonomi dalam penghasilan beritanya (Zaharom Nain, 2004). Hal ini menjadikan kajian yang bersifat memahami “proses” dalam bilik berita tidak begitu popular di Malaysia.

Umumnya, kajian mendapati proses penghasilan dan pemilihan berita di Malaysia mempunyai rutin tertentu dan universal sifatnya dari segi teknikal sebagaimana bilik berita di negara lain (Berkowitz, 1992). Namun, yang membezakan ialah pemilihan berita tertentu yang

sentiasa dipastikan tidak menyentuh soal perkauman dan mencetuskan kebencian, juga mengelakkan penerbitan berita yang becanggah dengan Rukunegara (Siti Suriani Othman, 2018).

Siti Suriani Othman et al. (2013) mendapati, proses penghasilan berita di Malaysia boleh difahami melalui teori nilai berita yang dalam masa yang sama menekankan spesifikiti budaya tempatan di Malaysia seperti masyarakat majmuk dan penekanan kepada berita-berita berbentuk tanggungjawab sosial. Secara umumnya, kajian mendapati berita yang dihasilkan di Malaysia adalah bersifat membangunkan masyarakat sungguhpun ada kritikan terhadap pendekatan ini yang dikatakan tidak sebenarnya mengikuti model Tanggungjawab Sosial yang sebenar termasuk kritikan bahawa sesetengah akhbar di Malaysia yang “mesra kerajaan” (Siti Suriani Othman et al. 2014).

Pemilihan peristiwa bukan berdasarkan nilai berita

• Subsidi maklumat

Lewis, Williams dan Franklin (2008) menyatakan bahawa untuk mengekalkan keuntungan ketika pengedaran yang semakin menurun, lompong berita yang besar mestilah ditutup dengan cara meningkatkan tekanan kepada tenaga kerja dan memberi gaji rendah. Akibatnya, seolah menjadi syarat kepada para wartawan untuk meningkatkan bilangan pakar untuk bahagian-bahagian yang diterbitkan seperti berita berkenaan pelancongan, gaya hidup, media, pendidikan, dan perniagaan, serta ditambah pula dengan perkembangan pantas edisi atas talian, selain keperluan bagi wartawan untuk merekod dan melapor cerita-cerita menerusi pelbagai platform media.

Perkembangan-perkembangan ini telah membawa kepada perubahan paling drastik dalam kewartawanan iaitu proses pengesahan dan pengenalpastian cerita adalah muncul dari “luar” bilik berita, contohnya pegawai perhubungan awam (PR). Secara ringkasnya, kini, tiada masa yang diperlukan untuk memeriksa cerita dan pastinya kenyataan yang mereka buat adalah benar (Lewis et al, 2008).

Menurut Gandy (1982), pegawai PR menawarkan satu bentuk subsidi kepada organisasi berita (menerusi kenyataan akhbar, sidang akhbar, video kenyataan berita, taklimat akhbar dan pelobian, laporan khas, dan lain-lain), yang membolehkan organisasi berita ini mengurangkan kos pencarian berita dan mengekalkan keuntungan (dipetik dari Lewis et al, 2008). Sumber-sumber profesional ini juga kerap cuba untuk memastikan terdapat visual yang bagus dan berita yang dipaparkan itu disertakan dengan konflik dan drama. Apabila sumber-sumber profesional dapat menyesuaikan diri dengan media dan menyampaikan logik alasan mereka dengan tujuan untuk menarik minat media, maka ia juga boleh dipertimbangkan sebagai subsidi maklumat (Stromback et al, 2012).

Walau bagaimanapun, penting juga untuk diketahui bahawa terdapat perbezaan dalam penggunaan PR sebagai sumber jika melihat kepada platform media dan organisasi berita yang berbeza. Lewis et al (2008) mendapati sebahagian besar wartawan siaran dan akhbar menyatakan bahawa “kadangkala” PR memaklumkan tentang kerja mereka, dan ada sebahagian mengakui bahawa ia “kerap” mempengaruhi berita yang mereka hasilkan. Namun begitu, kadar itu adalah sebaliknya bagi wartawan-wartawan agensi berita, dengan tiga per empat menyatakan mereka “kerap” menggunakan naskah PR, dan hanya satu per empat menyatakan “kadangkala”.

Bagaimana dengan peranan *stakeholder* dalam mempengaruhi kandungan media?. Media-media di Malaysia dikuasai oleh pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan politik dan ekonomi. Media Chinese International Ltd (MCIL) yang dimiliki oleh tuan punya konglomerat Rimbunan Hijau dari Sibu, Sarawak memiliki *Sin Chew Daily*, *China Press*, *Guang Ming Daily* dan *Nanyang Siang Pau*. Kumpulan KTS yang merupakan pesaing kepada Rimbunan Hijau memiliki *See Hua Daily News*, *The Borneo Post*, *Utusan Borneo*,

Oriental Daily News dan *The busy Weekly*. Ini secara tidak langsung bermaksud hampir kesemua akhbar arus perdana Bahasa Cina (mandarin) di Malaysia dimiliki oleh kedua-dua keluarga *foochow* dari Sibu, Sarawak tersebut. Selain itu, pemilikan media oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan parti UMNO juga sedia diketahui umum.

Penapisan

Pelbagai kajian telah menunjukkan bagaimana rutin pengumpulan berita, pencarian sumber-sumber berita, dan pelbagai faktor komersil dan teknologi yang menentukan di mana lubuk cerita yang dikehendaki. Bagaimanapun, kurang yang diketahui tentang bagaimana cerita dipilih dari lubuk cerita itu, diutamakan daripada aspek nilai berita, dan diatur dalam suratkhbar atau siaran berita. Tambahan pula, kajian-kajian yang mengetengahkan subjek ini telah menggunakan perspektif analitikal yang terhad yang seharusnya dapat memberikan pandangan yang lebih luas terhadap penapisan proses sosial (Clayman dan Reisner, 1998).

Pengampangan atau *gatekeeping* sebagai satu konsep saintifik sosial boleh dikesan melalui penulisan Lewin (1947) berkenaan perancangan sosial. Model pengampangan yang paling popular dan digunapakai sehingga hari ini merupakan model *White's gatekeeper* yang diperkenalkan oleh David Manning White pada tahun 1950. Cara yang paling berkesan untuk mengetengahkan perubahan sosial yang berkembang meluas adalah dengan menumpukan kepada seseorang yang berada pada kedudukan berpengaruh yang utama, yang berfungsi sebagai "penapis" terhadap idea dan barangan yang mengalir di dalam masyarakat (dipetik dari Clayman dan Reisner, 1998). Begitu juga dengan konsep penapisan sendiri (*self-censorship*) yang perlu diberikan perhatian. Apakah yang menjadi kriteria kepada proses pengampangan dan penapisan sendiri ini? Apakah misalannya dalam bab politik tidak memberi ruang kepada lawan politik? Atau merahsiakan kebenaran daripada pengetahuan orang ramai berkenaan salahlaku kerajaan dalam pentadbiran kerajaan? Begitupun media juga yang sering kali memainkan peranan sebagai pemerhati (*watchdog*) yang membongkarkan isu-isu kontroversi besar di Dunia. Bukan sahaja Skandal Watergate di Amerika Syarikat tetapi isu-isu seperti NFC dan 1MDB di negara sendiri.

Bagi McQuail (2010) pula, idea penapisan ini mempunyai potensi aplikasi yang lebih besar kerana ia boleh digunakan dalam kerja agen pembukuan dan penerbit, serta dalam pelbagai jenis kerja editorial dan pengeluaran dalam media cetak dan TV. Namun begitu, adalah jelas sekali bahawa kandungan terakhir dalam berita datang dari pelbagai sumber dan bentuk yang berbeza. Ia mungkin dibawa keluar atau ditempah dari awal, atau 'pencariannya' mungkin telah dirancang dengan sistematik, dan bila tiba masanya, ia perlu dikeluarkan atau dibentuk daripada dalaman. Proses pembentukan ini, seperti pemilihan berita, bukanlah secara rawak dan subjektif. Ia bersandarkan kepada skema pentafsiran dan kerelevanannya kepada institusi-institusi birokrasi yang sama ada merupakan sumber berita atau terlibat dalam proses peristiwa tersebut contohnya, jabatan polis, mahkamah, agensi kebajikan, jawatankuasa kerajaan, dan lain-lain (McQuail, 2010). Bagi Fishman (1982), 'apa yang diketahui dan dijangka oleh media adalah bergantung kepada sumber-sumber pengumpulan maklumat dan pemprosesan maklumat' agensi tersebut. Faktor-faktor utama yang mempengaruhi pemilihan terakhir boleh dipertimbangkan sebagai berada di bawah pengaruh 'orang', 'tempat' dan 'masa' (dipetik dari McQuail, 2010).

• Penyingkiran

Sebahagian besar organisasi berita, para wartawan dan editor bertemu pada masa dan tempoh tertentu untuk membincangkan idea-idea untuk isu akan datang. Mesyuarat-mesyuarat bilik berita ini menjadi forum untuk memperkenalkan, meneliti semula, berunding, memilih, membuat susulan dan menentukan idea-idea untuk bahan berita bagi naskah keesokkan harinya

(Clayman & Reisner, 1998). Sepertimana norma-norma budaya dan profesional yang kerap tidak diperkatakan, penyingkiran dan penolakan idea oleh editor untuk bahan berita adalah penting ke arah pembinaan pengetahuan berdasarkan logik akal para wartawan tentang apa yang membuatkan “bahan berita adalah baik”. Penolakan editor terhadap idea yang telah dibentangkan oleh wartawan ini bukanlah sekadar satu penyingkiran; tetapi ia juga adalah satu pembetulan terhadap sikap wartawan dengan menggambarkan bahawa idea yang telah dibentangkan itu bukanlah “satu idea yang baik”.

Menurut Gravengaard dan Rimestad (2012), penyingkiran yang berlaku dalam mesyuarat bilik berita boleh dibezakan antara idea yang disingkirkan secara langsung (1) dan tidak langsung (2). Penyingkiran secara langsung berlaku apabila editor menolak idea wartawan dan menandakannya dengan jelas, contohnya dengan penggunaan “tidak”. Kadangkala penolakan disertai dengan penjelasan tentang mengapa idea tersebut disingkirkan (1.1), pada masa lain pula tiada penjelasan (1.2). Dalam penyingkiran secara langsung, pembentangan idea oleh wartawan adalah diikuti dengan reaksi daripada editor bahawa idea tersebut adalah tidak diterima. Reaksi ini diberi segera sebaik idea dibentangkan.

Penyingkiran secara tidak langsung berlaku dalam dua cara berbeza, sama ada idea wartawan tersebut berhadapan dengan kesenyapan daripada editor, dan selepas senyap beberapa waktu, editor memperkatakan sesuatu yang lain dan akhirnya idea tersebut telah disingkirkan (2.1); atau wartawan menghuraikan tentang idea dan kandungan idea ini kemudiannya dibincangkan oleh editor dan ahli-ahli lain dalam mesyuarat. Bagaimanapun, perbincangan ini tidak menyentuh samada idea tersebut akan dipilih atau disingkirkan; sebaliknya perbincangan tersebut memfokuskan dengan lebih terperinci berkaitan idea tersebut. Dalam lain perkataan, editor mengelak daripada membuat pilihan yang jelas. Apabila perbincangan terperinci selesai maka akan ada perubahan topik, dan idea tersebut telah tersingkir (2.2).

Pengkategorian dan huraian terperinci terhadap mekanisme bersesuaian dalam proses membuat keputusan dalam mesyuarat bilik berita memudahkan untuk berbincang dengan lebih lanjut akan akibat-akibat daripada penyingkiran yang berbeza ini, bagaimana ia mengambil alih dan impaknya kepada komuniti pengamalan, wartawan-wartawan secara individu, dan terhadap produk-produk media.

- **Teori perkauman luar sedar**

Menurut Heider (2000), wartawan televisyen (TV) secara konsistennya tidak menghiraukan komuniti-komuniti minoriti yang seharusnya turut patut diberi liputan. Walaupun liputan yang tidak seimbang mungkin dilakukan secara sedar dan dirancang, Heider telah menghujahkan bahawa adalah jarang sekali ia dilakukan secara terang-terangan dalam kalangan wartawan bilik berita TV. Perkauman luar sedar ialah hasil berdekad keputusan harian, amalan budaya dalam norma masyarakat kulit putih daripada kelas pertengahan dan atasan, dan ketakutan berterusan terhadap ancaman status quo. Sebaliknya, produk-produk berita adalah satu pengabaian yang sistematik dan diinstitusikan (dipetik dari Owens, 2008).

Teori ini mengandaikan bahawa para wartawan membuat liputan masyarakat kulit putih secara berbeza berbanding dengan masyarakat bukan kulit putih. Situasi ini dapat dilihat berdasarkan sumber-sumber yang digunakan menerusi rangkaian berita, bahkan juga wujud dalam pemilihan dan penggunaan sumber untuk rakaman kamera (Owens, 2008). Berdasarkan hasil kajian Owens (2008), penonton mempelajari bahawa wartawan-wartawan dan sumber-sumber dari kelompok minoriti dikesualikan berbanding dengan peraturan rangkaian berita televisyen (TV). Sumber-sumber daripada golongan elit seperti pakar dan pegawai kerajaan secara keseluruhannya adalah orang kulit putih. Jurucakap untuk syarikat-syarikat, sebahagian besarnya adalah berkulit putih, dan begitu juga dengan peguam-peguam. Justeru, tidak hairanlah jika orang kulit putih mendominasi liputan berita TV sebagai sumber berita yakni

sehingga lebih dari tiga per empat, dan hampir 90% wartawan berita rangkaian. Selain itu, sumber-sumber kulit putih juga dengan jelas mendominasi semua topik cerita, dengan majoritinya muncul dalam setiap kes, kecuali untuk cerita-cerita hal ehwal luar negara.

- **Teori pembangunan moral**

Teori pembangunan moral merupakan salah satu hasil falsafah moral yang membantu memahami dan menjangkakan etika membuat keputusan seseorang, khususnya mereka yang berada dalam kedudukan profesional seperti, doktor, peguam, atau wartawan. Teori ini menghuraikan bagaimana seseorang itu berkembang dan membangun berdasarkan kedudukan mereka dengan membuat lebih banyak penilaian moral. Diperkenalkan oleh ahli psikologi Lawrence Kohlberg (1981, 1984), teori ini kemudiannya dikembangkan lagi oleh sarjana yang lain seperti James Rest dan rakan-rakannya (dipetik dari Coleman, 2011).

Menurut teori ini, pembangunan moral berkembang menerusi tahap-tahap yang mencerminkan kualiti penilaian moral yang lebih baik seperti yang didefinisikan oleh falsafah-falsafah etika klasik. Tahap-tahap ini yang dikategorikan kepada tiga tahap, adalah seperti berikut: tahap paling bawah yang dipanggil pra-konvensional, menghuraikan tentang seseorang yang mengambil berat tentang kebajikan dirinya; tingkahlaku untuk kebaikan diri sendiri adalah betul. Orang lain juga dipertimbangkan, tetapi hanya apabila keperluan mereka bersamaan dengan keperluan diri seseorang. Pada tahap pertengahan, iaitu konvensional, adalah definisikan berdasarkan kepada untuk menepati jangkauan masyarakat, seperti menolong orang dan mendapatkan kebenaran dalam usaha untuk mengekalkan kontrak sosial. Tahap yang paling tinggi bagi penilaian moral adalah pasca-konvensional, yang didefinisikan sebagai memberi setiap individu peluang untuk terlibat dalam sistem dan komited kepada prinsip-prinsip etika sejagat yang terhasil daripada analisis intelektual. Pada tahap ini, undang-undang dan peraturan dijangka hanya jika mereka saling membantu sepenuhnya, iaitu mereka tidak sepatutnya melebihi satu kumpulan berbanding kumpulan yang lain. Betul atau salah serta nilai sesuatu peraturan dan undang-undang adalah ditentukan oleh tarikan mereka kepada kesamaan (Coleman, 2011).

Merujuk kepada teori ini, Coleman telah mengaplikasikannya untuk mengenalpasti etika membuat keputusan dalam kalangan 99 orang wartawan profesional di Amerika Syarikat iaitu sama ada mereka mempunyai sikap yang berbeza, membuat keputusan yang berbeza, dan menggunakan tahap penilaian moral yang berbeza apabila mengendalikan cerita-cerita yang berkaitan dengan kanak-kanak berbanding dengan orang dewasa. Jelas sekali, para wartawan ini didapati lebih mengambil berat dalam melindungi privasi kanak-kanak, melindungi mereka daripada ancaman, dan memastikan kebenaran diperolehi, berbanding ketika mengendalikan orang dewasa. Namun begitu, para wartawan ini juga didapati tidak menggunakan tahap penilaian moral yang tertinggi untuk kanak-kanak berbanding orang dewasa, malahan mereka juga menyimpan foto-foto kanak-kanak tersebut lebih kerap berbanding foto orang dewasa.


Hakikatnya, kadangkala agak sukar untuk mengamalkan apa yang diucapkan. Coleman mendapati para wartawan sememangnya memberi pertimbangan yang serius dalam membuat liputan tentang kanak-kanak, namun di sebalik semangat untuk mengamalkan etika, alasan ini juga kerap digunakan untuk mendapatkan kebenaran bagi meraih peluang mendapatkan cerita berkenaan kanak-kanak, menyatakan bahawa masyarakat “berhak tahu” berbanding dengan hak privasi kanak-kanak itu, dan juga untuk melindungi kanak-kanak itu daripada ancaman. Justeru, hasil kajian Coleman ini telah menarik perhatian tentang perbincangan yang beretika dalam bilik berita yang perlu menjadi amalan bagi menjelaskan apa yang perlu dilakukan oleh para wartawan dan sama ada ia perlu diutamakan.

A. Cadangan Model Kewartawanan Malaysia

Maka, dalam kompleksiti kewartawanan tempatan, apakah model kewartawanan yang paling sesuai untuk konteks Malaysia? Malaysia merupakan sebuah negara sekular yang berbilang kaum dengan Islam sebagai agama rasmi tetapi kebebasan beragama tetap dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan. Sarjana-sarjana seperti M. Yoserizal Saragih. (2018) dan M. Zakyi Ibrahim (2009) pernah menyarankan nilai-nilai Islam dalam model kewartawanan baharu. Prinsip-prinsip Islam dihujahkan sebagai konsep yang membolehkan kita memahami kompleksiti dan spesifisiti proses penghasilan berita di Malaysia yang juga membolehkan fokus terhadap spesifisiti pemberitaan di Malaysia untuk kajian-kajian yang akan datang (Siti Suriani Othman et al. 2014).

Semua agama dalam pada itu turut menyeru kepada kebaikan, toleransi serta keamanan dan menolak kejahatan, keburukan mahupun penindasan baik agama Islam, Kristian, Buddha mahupun Hindu. Sebenarnya banyak persamaan nilai-nilai yang merentasi agama yang boleh terdapat dalam nilai kewartawanan itu sendiri, misalnya jujur dalam melaporkan kebenaran dan tidak menipu atau berbohong dengan mencipta keadaan yang tidak wujud. Aplikasi premis teori perkauman luar sedar dan teori pembangunan moral wajar dijadikan antara asas terpenting dalam membentuk elemen dalam model kewartawanan Malaysia yang bersifat lebih universal. Dua elemen utama yang mempengaruhi pemberitaan di Malaysia tidak boleh diabaikan dalam memahami berita di Malaysia iaitu hakikat Malaysia adalah masyarakat majmuk serta peranan media untuk memastikan keharmonian negara kekal, di samping peranan media sebagai alat mendidik serta “memandaikan” masyarakat dan tiang demokrasi tidak pudar.

Model kewartawanan Malaysia berdasarkan hujah dan kajian lepas adalah seperti berikut:



KESIMPULAN

Melihat kepada pelbagai pandangan dan paradigma yang dikemukakan oleh para sarjana menerusi kajian-kajian mereka, menyimpulkan bahawa berita haruslah bersandarkan kepada keadaan lokal di mana berita dilaporkan. Teori nilai berita mampu memberi gambaran secara umum apakah peristiwa yang mungkin terpilih sebagai berita, dan ini boleh diaplikasikan di mana-mana negara di dunia ini.

Namun, spesifisiti lokal sesuatu negara amat mempengaruhi apa yang menjadi berita dalam proses pemilihan beritanya. Dalam konteks Malaysia, elemen masyarakat majmuk dan prinsip agama yang menyarakankan kebaikan menjadi landasan cadangan model kewartawanan yang dicadangkan dalam kertas ini. Unsur perkauman harus cuba dielakkan dalam apa bentuk dan keadaan sekalipun. Dalam konteks ini, peranan media dihalatujukan kepada tiga yang utama iaitu memastikan keharmonian masyarakat majmuk, mendidik masyarakat dan bertindak sebagai tiang demokrasi seterusnya menjadi perintis pembangunan moral masyarakat.

RUJUKAN:

- Ana Nadhya Abrar. (2018). Creating Successful Muslim Journalists through Journalism Ethics. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(3), 15-22 Diakses dari: https://www.jesoc.com/wp-content/uploads/2018/04/KC9.3_6.pdf
- Bednarek, M. & Caple, H. (2012). Value added: language, image and news values. *Discourse, Context & Media*. <http://dx.doi.org/10.1016/j.dcm.2012.05.006>
- Berkowitz, D., (1992) Non-Routine News and Newswork: Exploring a What-a-Story . *Journal of Communication*, 42 (1), 82–94, DOI: <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1992.tb00770.x>
- Brian L. Massey & Li-Jing Chang (2002). Locating Asian Values in Asian Journalism: A Content Analysis of Web Newspapers. *Journal of Communication*, 52(4), 987 – 1003. DOI: [10.1111/j.1460-2466.2002.tb02585.x](https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.2002.tb02585.x)
- Calhoun, C. (2011). Communication as Social sciences (and More). *International Journal of Communication*, 5(1), 1479-1496. DOI: [10.1590/S1809-58442012000100014](https://doi.org/10.1590/S1809-58442012000100014)
- Clayman, S.E. & Reisner, A. (1998). Gatekeeping in action: editorial conferences and assessments of newsworthiness. *American Sociological Review*, 63(2): 178-199.
- Coleman, R. (2011). Journalist' moral judgement about children. *Journalism Practice*, 5(3): 257-271. <http://dx.doi.org/10.1080/17512786.2010.523588>
- De Beer, A.S. & Merrill, J.C. (2009). *Global journalism: topical issues and media systems*. Boston: Pearson.
- Deutsch, K.W. (1952). On Communication Models in the Social Sciences. *Public Opinion Quarterly*, 16(3), 356-380.
- Elliott, C.W., & Greer, C.F. (2010). Newsworthiness and Islam: An Analysis of Values in the Muslim Online Press. *Communication Quarterly*, 58(4), 414-430.
- Gravengaard, G. & Rimestad, L. (2012). Elimination of ideas and professional socialization. *Journalism Practice*, 6(4): 465-481. <http://dx.doi.org/10.1080/17512786.2011.642243>
- Harcup, T. & O'Neill, D. (2001). What is news? Galtung and Ruge revisited. *Journalism Studies*, 2(2): 261-280. <http://dx.doi.org/10.1080/14616700118449>
- Hartley, J. (1982). *Understanding news*. London: Routledge.
- Khiabany, G. 2003. De-Westernizing Media Theory, or Reverse Orientalism: 'Islamic Communication' as Theorized by Hamid Mowlana. *Media, Culture & Society*, 25, 415-422. DOI: [10.1177/0163443703025003604](https://doi.org/10.1177/0163443703025003604)
- Kim, Y. & Bae, J. (2006). Korean practitioners and journalists: relational influences in news selection. *Public Relations Review*, 32: 241-245. doi:10.1016/j.pubrev.2006.05.016

- Lee, J.H. (2009), News values, media coverage, and audience attention: an analysis of direct and mediated causal relationships. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 86(1): 175-190. doi:10.1016/j.pubrev.2006.05.016
- Lewis, J., Williams, A. & Franklin, B. (2008). Four rumours and an explanation. *Journalism Practice*, 2(1): 27-45. <http://dx.doi.org/10.1080/17512780701768493>
- M. Yoserizal Saragih. (2018). Some characteristics of Islamic Journalism Based on Al Quran. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 1: 1-10. Diakses dari: <https://bircu-journal.com/index.php/birci/article/view/1/1>
- M. Zaky Ibrahim. (2009). Models of Communication in the Qur'an: Divine-Human Interaction. <https://www.semanticscholar.org/paper/Models-of-Communication-in-the-Qur-%E2%80%99-an-%3A-Divine-%E2%80%93-Ibrahim/558b7eb7767d3433d7dacbbae3f70df2afa943a6>
- Manning, P. (2001). *News and news sources: a critical introduction*. London: Sage.
- McQuail, D., & Windahl, S. (2015). *Communication Models for the Study of Mass Communication* (2nd ed.). London: Routledge.
- McQuail, D. (2010) *Mass communication theory*. 6th ed. London: Sage.
- Michael B. Munnik. 2019. Answering for Islam: Journalistic and Islamic Conceptions of Authority. *Religions*, 10(7), 435- .DOI: 10.3390/rel10070435
- Mughal Mj & Ali M.M. (2015). Methodology of Islamization of Human Knowledge: A Comparative Appraisal of Proposed Approaches. *Arts and Social Sciences Journal*. 6: 145 <http://dx.doi.org/10.4172/2151-6200.1000145>
- Owens, L.C. (2008). Network news: the role of race in source selection and story topic. *The Howard Journal of Communications*, 19, 355-370. DOI: 10.1080/10646170802418269
- Shim, J.C., Jung, W.K. & Kim, K.S. (2011). A comparative analysis on news values: comparing coverage of education in South Korea and the United States. *Korean Social Science Journal*, 38(1), 99-132.
- Siti Suriani Othman, Lee Kuok Tiung, Liana Mat Nayan. (2013). Producing Specific Knowledge about News Construction the Context of Malaysia. *The International Journal of Social Sciences*. Available at: <http://tijoss.com/7th%20volume/siti.pdf>
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung. (2014). The Elements of News Construction Model in Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*. 16 (1): 53-62. Available at: <<https://jpmmm.um.edu.my/article/view/9009>>. Date accessed: 03 aug. 2020.
- Siti Suriani Othman. (2018). *Di Balik Tabir Bilik Berita Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stromback, J., Karlsson, M. & Hopmann, D.N. (2012). Determinants of news content. *Journalism Studies*. <http://dx.doi.org/10.1080/1461670X.2012.664321>
- Tanudikusumah, R. D. (1985). Communication theory: the Islamic perspective. In AMIC-Thammasat University Symposium on Mass Communication Theory: the Asian Perspective, Bangkok, Oct 15-17, 1985. Singapore: Asian Mass Communication Research & Information Centre. https://dr.ntu.edu.sg/bitstream/10220/795/1/AMIC_1985_10_11.pdf
- Zaharom Nain et al. (2004) *Who Owns the Media*. London: Zed Books.